

Newspaper	Berita Harian
Date	14/08/2017B



Suspek yang ditahan oleh anggota polis kerana melakukan kekecohan pada program 'Nothing to Hide 2.0' anjuran Armada PPBM di Shah Alam, semalam.

FORUM NOTHING TO HIDE 2.0

Bertukar ganas, 3 ditahan

➔ **Hadirin tak puas hati penjelasan Tun Mahathir isu Memali, kes liwat Anwar**

Oleh **Khairul Azran Hussin**
khaiarzr@bh.com.my

► **Shah Alam**

Forum Nothing to Hide 2.0 semalam bertukar kecoh apabila sekumpulan hadirin tidak berpuas hati dengan penjelasan Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai peristiwa Memali pada 1985.

Forum anjuran Armada Pemuda Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) di Kompleks Belia dan Kebudayaan Seksyen

7, di sini, yang bermula pada jam 4.15 petang itu berlangsung aman hampir sejam, sebelum bertukar ganas kira-kira jam 5.10 petang.

Mereka didakwa mula membuat bising apabila tidak berpuas hati sikap Dr Mahathir yang seolah-olah cuba menyembunyikan sesuatu berhubung peristiwa Memali.

Dr Mahathir ketika menjawab soalan itu, berkata polis ketika berdepan peristiwa berkenaan sudah mengambil tindakan sewajarnya, termasuk mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan ketika menjalankan operasi.

"Malah, peristiwa Memali turut membabitkan kematian di pihak pasukan keselamatan," katanya sebelum secara tiba-tiba kelihatan satu objek dibaling ke arah pentas utama.

Beberapa petugas keselamatan PPBM kemudian segera naik ke atas pentas untuk melindungi Dr Mahathir serta mem-

bawa beliau ke tempat selamat.

Lempar suar, kasut

Ketika itu suasana bertambah huru-hara apabila suar, kasut, selipar dan kerusi dilempar oleh pihak tertentu.

Situasi itu menimbulkan panik sehingga peserta forum berlari ke luar dewan untuk menyelamatkan diri, manakala beberapa orang turut dilaporkan cedera akibat bergaduh ketika kekecohan berlaku.

Suasana forum mula tegang apabila Dr Mahathir enggan menjawab soalan seorang hadirin, yang bertanya sama ada sabitan kes liwat terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika era pentadbiran bekas Perdana Menteri itu adalah benar atau hanya bermotifkan politik.

Beliau sebaliknya berkata, perkara itu tidak perlu dibangkitkan kerana tumpuan utama pakatan pembangkang kini ialah menjatuhkan Datuk Seri Najib Razak.

Empat anggota polis dan 14 individu, termasuk pemimpin kumpulan 37 orang yang diburu, Ibrahim Mahmud atau lebih dikenali Ibrahim Libya, terbunuh dalam serbuan pada 19 November 1985 di Kampung Memali, Baling, Kedah.

Isu Memali sering dibangkitkan pemimpin politik pembangkang, terutama setiap kali pilihan raya umum dengan mengaitkannya dengan Dr Mahathir.

Dalam pada itu, tiga pemuda ditahan berhubung kekecohan yang berlaku pada Forum Nothing to Hide 2.0 itu, petang semalam.

Ketua Polis Shah Alam, Asisten Komisioner Shafien Mamat, berkata mereka masing-masing berusia 17, 18 dan 19 tahun ditahan orang awam pada program berkenaan kemudian diserahkan kepada polis.

"Pemuda berusia 18 dan 19 adalah pelajar sebuah kolej swasta, manakala seorang lagi remaja tidak bekerja," katanya.

Kha Khairul

BH-14/8/2017 PG-9